

Lampiran 11: Surat MBIC Mengenai Cadangan Susulan Kepada Pihak Kementerian Kewangan Malaysia

No. 7-6 Blok E2
Jalan PJU 1/42A Dataran Prima
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03 - 78805840
No. Faks : 03 - 78805841

Paksi Fax
 Pos/Post
 Servis/Service By Hand
 Kurier/ Courier
 Pos Berdaftar/ A.R. Registered

MBIC
Malaysian Book Industry Chamber

Ruj. Tuan/Your Ref :
Ruj. Kami/Our Ref : MBIC/02/2015
Tarikh/Date : 11 Feb 2015

Kepada:
YB. DATUK CHUA TEE YONG
Timbalan Menteri Kewangan II
Aras 11, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Yang Berbahagia Datuk,

**CADANGAN SUSULAN DARIPADA PERBINCANGAN PADA 9 FEBRUARI 2015
TENTANG ISU GST KADAR SIFAR UNTUK BUKU & E-BUKU**

Pihak Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC) mengucapkan berbilang terima kasih atas perhatian pihak YB Datuk kepada memorandum yang kami hantar.

Berdasarkan perbincangan dalam mesyuarat semalam, MBIC ingin mengutarakan beberapa susulan kepada pihak Kementerian Kewangan.

1.0 Cabaran dan Isu

1.1 Menyedari bahawa GST Kadar Sifar untuk buku dan e-buku adalah sangat penting kepada sistem pendidikan negara kita. Kita sedar bahawa **Jurang pendidikan bandar dan luar bandar masih luas, dan sebarang kenaikan kos akan mengurangkan akses pendidikan kepada masyarakat luar bandar dan kumpulan pendapatan rendah.** Maka, semua usaha mesti dilakukan untuk menghapuskan sebarang bentuk cukai kepada agenda pendidikan untuk memberikan pendidikan universal kepada semua rakyat.

1.2 Menyedari bahawa pihak kerajaan masih belum mempunyai mekanisma untuk mencukai syarikat-syarikat internet dan e-commerce gergasi luar negara, maka **cukai berat sebelah kepada industri buku & e-buku tempatan, bakal memberi impak negatif kepada syarikat-syarikat tempatan.** Kesan negatif daripada cukai berat sebelah telah menyebabkan banyak kedai buku fizikal dan dalam talian (online) di Singapura tutup pintu. Kesan yang sama dijangka akan berlaku di Malaysia, dan boleh menyebabkan beribu-ribu pekerja dalam industri buku hilang pekerjaan.

1.3 Menyedari bahawa **saiz industri buku tempatan yang berpotensi untuk dicukai GST adalah kecil.** Daripada jumlah ini, dianggarkan 2/3 saiz industri buku

Dewan Industri Buku Malaysia
Malaysia Book Industry Chamber

adalah melibatkan buku-buku teks dan rujukan untuk sekolah, kolej dan universiti yang mana sudah menerima status GST Kadar Sifar.

1.4 Menyedari bahawa pelaksanaan GST Kadar Bercampur ini sangat kompleks, dan pihak pelaksana Kastam Diraja Malaysia masih belum mempunyai cukup masa dan tenaga kerja untuk menghalusi isu-isu industri buku, maka ini akan menyebabkan banyak isu operasi tergantung tanpa jawapan. Ini menimbulkan pelbagai masalah operasi dan pematuhan dalam industri buku.

1.4.1 Isu operasi paling besar ialah kesukaran dalam membuat klasifikasi produk mengikut kategori yang telah diwartakan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

Merujuk kepada Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, deskripsi yang diberikan sangat umum sifatnya.

49.01

Printed books, brochures, leaflets and similar printed matter, whether or not in single sheets.

Other:

4901.91

Dictionaries and encyclopaedias, and serial installments thereof (Dictionaries only)

4901.99

Other (Student text books, reference books, work books and religious text only)

4903.00

Children's picture, drawing or colouring books.

Untuk pengetahuan pihak YB Datuk, jumlah terbitan tajuk baru buku di Malaysia yang didaftarkan bawah Akta Deposit Bahan Perpustakaan 1986 diringkaskan di bawah.

Statistik penuh ada disertakan dalam Lampiran 1.

Kategori	Jumlah Terbitan Baru Tahun 2013
Agama	1716
Kanak-Kanak	4628
Buku Teks	6241
JUMLAH BESAR	19,987

Jumlah di atas adalah untuk buku-buku yang diterbitkan di Malaysia untuk tahun 2013 sahaja. Ia tidak termasuk dengan buku-buku terbitan luar negara yang

diimport masuk ke pasaran Malaysia, dan juga buku-buku yang telah sedia ada dalam pasaran.

Boleh disimpulkan yang jumlah buku-buku dalam kategori yang mungkin berkadar sifar adalah sangat besar. Adalah amat sukar untuk mengklasifikasikan beribu-ribu tajuk buku tanpa bantuan pakar rujuk yang berautoriti.

1.4.2 Isu operasi kedua ialah dalam mengendalikan status GST Kadar Bercampur yang sangat kompleks. Dalam Lampiran 2, kami perincikan pelbagai kekeliruan yang timbul dalam melaksanakan GST Kadar Bercampur.

Umumnya kita menghadapi kekeliruan dalam mengendalikan :

- a. Buku Teks untuk Sekolah Kerajaan, Swasta, Agama dan Antarabangsa,
- b. Buku Teks Kolej & Universiti,
- c. E-Book dan produk digital,
- d. Teks Suci Agama,
- e. Pembekalan kepada perpustakaan,
- f. dan beberapa segmen lain lagi.

Boleh kita lihat, isu GST Kadar Bercampur yang disenaraikan di dalam lampiran memerlukan kerjasama daripada beberapa Kementerian untuk diselesaikan.

1.4.3 Isu operasi ketiga ialah untuk menukar label tanda harga (*price sticker*) pada buku-buku yang sudah berada dalam pasaran.

Untuk pengetahuan pihak YB Datuk, sebuah kedai buku contohnya, menyatakan bahawa mereka mempunyai lebih daripada 200 ribu SKU dan beberapa juta naskah buku di dalam inventori yang perlu ditukar label tanda harga GST. Ada sebahagian besar inventori masih menunggu penjelasan tentang klasifikasi berkadar sifar.

Di peringkat penerbit, pengedar dan pengimport buku yang menjadi rantai bekalan (*supply chain*), juga mempunyai berjuta - juta naskah buku di dalam inventori masing-masing, yang perlu ditukar label tanda harga GST.

Sesungguhnya, industri buku memerlukan masa kerana kerja-kerja menampal label tanda harga GST adalah kerja-kerja manual yang perlu dilakukan oleh ramai pekerja.

Dalam Lampiran 3, kami perincikan lagi isu-isu tentang label tanda harga.

1.5 Boleh kita simpulkan bahawa pelaksanaan GST Kadar Bercampur untuk buku adalah tidak efisien. Ia kompleks kerana melibatkan jumlah tajuk buku yang besar, potensi nilai cukainya kecil, masalah operasinya banyak dan memerlukan kerjasama daripada pelbagai agensi untuk diselesaikan.

2.0 Cadangan

Maka, kami daripada pihak Majlis Industri Buku Malaysia mencadangkan seperti berikut :

2.1 Supaya pihak kerajaan mempertimbangkan dengan serius cadangan kami supaya buku dan e-buku diberikan status GST Kadar Sifar secara keseluruhannya. Ini mengambil kira potensi pendapatan cukai yang kecil, dan ditimbang pula dengan masalah operasi status GST Kadar Bercampur yang sangat kompleks.

Langkah ini membolehkan pihak pelaksana Kastam Diraja Malaysia memfokus kepada perkara-perkara yang lebih besar dan lebih penting kepada pendapatan cukai negara.

2.2 Sebagai timbal balas kehilangan pendapatan cukai GST dari industri buku yang dianggarkan sekitar RM 30 Juta setahun, kami mencadangkan pengurangan subsidi **Boucer Buku 1 Malaysia (BB1M)** daripada RM250/pelajar kepada RM200/pelajar. Sebagai makluman, jumlah BB1M tahun 2012 ialah RM200/pelajar.

Langkah ini akan memberi penjimatan sebanyak RM65 juta setahun kepada kerajaan.

Penjimatan ini boleh digunakan untuk membuat off-set daripada kos memberikan GST Kadar Sifar kepada semua buku dan e-buku.

2.3 Jika cadangan ini tidak dapat diterima oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia, maka kami memohon supaya diberikan bantuan sokongan khidmat nasihat teknikal yang kuat daripada pihak pelaksana Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Masa semakin suntuk, dan ada ratusan ribu tajuk buku yang perlu diklasifikasikan dengan tepat untuk GST Kadar Bercampur.

Kami juga memohon masa tambahan untuk industri buku mematuhi GST ini, dan supaya pengumuman masa tambahan ini diberikan secara rasmi.

3.0 Penutup

Sekali lagi kami merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kami kepada pihak YB Datuk kerana meluangkan masa dan tenaga untuk memperhalusi isu-isu berkaitan industri buku negara.

Untuk maklumbalas kepada Majlis Industri Buku Malaysia, pihak YB Datuk boleh menghubungi saya seperti di bawah pada alamat email : ishamzah@yahoo.co.uk atau telefon : 019-2735657.

Sekian, terima kasih.

Haji Ishak Bin Hamzah

Pengerusi

Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC)

d/a Persatuan Penerbit Buku Malaysia

No 7-6, Block E2

Jalan PJU 1/42A

Dataran Prima

47301 Petaling Jaya, Selangor

Tel : 03 7880 5840

Email : info@mabopa.com.my

Salinan kepada :

1. Presiden, Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
2. Presiden, Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)
3. Presiden, Persatuan Penerbit, Pengedar dan Penjual Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM)
4. Presiden, Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)
5. Presiden, Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA)

LAMPIRAN 1: Statistik Terbitan Buku Baru Dalam Negara

Statistics Of Books Registered Under Library Depository Act, 1986 (For 2009- 2013)						
Subject	2009	2010	2011	2012	2013	Cumulative
General Title	165	133	214	176	174	6,072
Philosophy / Psychology	214	223	206	362	353	3,139
Religion	1,409	1,325	1,786	1,913	1,716	23,202
Sociology, Statistics	248	184	223	270	286	4,779
Political Science	155	139	132	99	141	7,835
Economy	338	250	390	380	371	2,063

Law, Public Administration, Welfare Science	536	343	571	434	473	9,826
Military	15	20	34	47	48	470
Education	599	611	1,020	1,316	1,416	18,108
Commerce, Communication, Transport	202	81	151	188	77	2,851
Traditional, Custom and Folk Literature	503	403	233	434	437	5,386
Languages	3,853	3,306	3,601	3,657	5,031	53,173
Mathematics	842	1,075	1,171	1,289	1,361	15,039
Natural Sciences	675	899	985	1,051	1,025	13,620
Medical Sciences, General Health Science	263	246	426	612	404	4,769
Technology, Engineering, Industry	205	558	540	307	173	7,023
Agriculture, Stockbreeding Forestry, Hunting, Fishery	196	136	172	136	122	4,888
Home Sciences	213	226	203	317	352	2,984
Managing Administration and Organisation	446	558	1,195	699	472	7,812
Physical Planning, Town and Country Planning, Agriculture	154	129	249	147	294	2,357
Plastic and Graphic Art, Photography	532	358	551	771	590	4,426
Music, Performing Art, Film-viewing	84	103	60	93	210	1,737
Games and Sports	138	66	140	182	157	1,738
Literature	2,788	3,654	2,769	3,196	3,239	47,904
Geography	555	407	507	579	578	6,742
History, Biography	439	323	394	516	487	7,895
Total	15,767	15,756	17,923	19,171	19,987	265,836

LAMPIRAN 2: Isu Pembekalan Bercampur

Kami senaraikan pelbagai isu-isu GST Kadar Bercampur (GST Kadar Sifar dan GST Kadar Standard) dalam industri buku seperti berikut :

1.0 Isu Buku Teks Untuk Sekolah

Pihak Kastam Diraja Malaysia (Kastam) memaklumkan yang buku teks dengan kurikulum yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja yang mendapat GST Kadar Sifar.

1.1 Pembekal menghadapi masalah untuk mengenal pasti buku-buku mana yang kurikulumnya diluluskan oleh KPM, terutama yang melibatkan sekolah agama dan sekolah swasta. **Siapakah yang bertanggungjawab mengesahkan kurikulum itu diluluskan oleh KPM?**

1.2 Pihak sekolah agama dan sekolah swasta akan mengeluarkan senarai buku kegunaan mereka setiap awal tahun persekolahan, tetapi senarai yang digunakan berbeza antara sekolah-sekolah. Malah ada sekolah yang menjalankan dua aliran kurikulum berbeza bawah satu bumbung. **Siapakah yang akan mengiktiraf senarai buku teks dalam kes ini?**

1.3 Buku yang sama mungkin digunakan oleh sekolah lain. Bolehkah GST Kadar Sifar digunakan secara automatik dalam kes ini?

1.4 Bolehkah **Buku Kerja, Buku Rujukan dan Buku Aktiviti** yang disenaraikan oleh sekolah dibekalkan dengan GST Kadar Sifar?

1.5 Ada banyak tajuk buku teks teks import yang digunakan oleh pelajar untuk tujuan **Self-study**, tetapi tidak disenaraikan oleh pihak sekolah. Bolehkah buku-buku ini dibekalkan dengan GST Kadar Sifar sebagai buku teks?

1.6 Sekolah-sekolah agama menggunakan kurikulum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri. Bolehkan pembekalan GST Kadar Sifar digunakan untuk sekolah agama?

1.7 Sekolah agama rakyat tidak menggunakan kurikulum yang formal. Bagaimanakah layanan GST untuk pembekalan buku-buku teks sekolah tidak formal?

1.8 KPM sedang bergerak ke arah buku teks digital untuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Adakah pembekalan buku teks digital mendapat GST Kadar Sifar?

1.9 Status pembekalan bercampur menyukarkan pembekalan yang dibuat secara *bundle*, di mana buku teks cetak disokong dengan bahan-bahan ujian, rujukan dan tambahan secara online. Bagaimanakah layanan GST untuk bahan-bahan ini?

2.0 Isu E-Buku, E-Majalah dan E-Akhbar

Pihak Kastam memaklumkan yang e-akhbar (e-newspaper) sahaja yang menggunakan GST Kadar Sifar.

Pihak Kastam memaklumkan yang pembekal luar negara seperti Google Play, Apple iBookstore, Overdrive dan lain-lain adalah di luar skop GST Malaysia. Manakala pembekal tempatan seperti e-Sentral.com, Celcom Bachabooku akan mengenakan GST Kadar Standard.

2.1 Adakah edisi e-buku yang mana judul edisi cetaknya mendapat GST Kadar Sifar, boleh juga dijual pada GST Kadar sifar?

2.2 Apakah liabiliti penerbit tempatan yang menjual e-buku menggunakan khidmat pembekal luar negara?

3.0 Isu Buku Teks Tertiar (Kolej dan Universiti)

Pihak Kastam memaklumkan yang semua buku teks tertiar edisi bercetak mendapat GST Kadar Sifar.

Tetapi, buku teks digital untuk tahap tertiar adalah GST Kadar Standard.

3.1 Siapakah pihak yang akan bertanggungjawab untuk mengklasifikasi buku teks untuk tertiar? Adakah pensyarah, kolej & universiti atau penerbit buku teks sendiri.

3.2 Apakah status GST untuk kategori buku teks tertiar yang dijual di pasaran terbuka, tetapi tidak diadopsi oleh mana-mana kolej dan universiti sebagai buku teks?

3.3 Status pembekalan bercampur menyukarkan pembekalan yang dibuat secara *bundle*, di mana buku teks cetak disokong dengan bahan-bahan ujian, rujukan dan tambahan secara online.

4.0 Isu Teks Agama

Pihak Kastam memaklumkan yang hanya Quran, Bible dan kitab-kitab suci agama lain diberikan GST Kadar Sifar.

4.1 Untuk pengguna Islam, Terjemahan Quran dan Tafsir Quran mengandungi kandungan Quran yang signifikan. Adakah Terjemahan dan Tafsir mendapat GST Kadar Sifar?

4.2 Merujuk kepada Teks Agama seperti yang disenaraikan dalam artikel Wikipedia http://en.wikipedia.org/wiki/Religious_text, bolehkah kitab suci agama yang disenaraikan dalam senarai tersebut mendapat status bekalan GST Kadar Sifar?

4.3 Untuk Pengguna Islam, kitab-kitab Hadis adalah teks agama yang utama. Bolehkah koleksi hadis didefinisikan sebagai teks agama dan dibekalkan dengan GST Kadar Sifar?

5.0 Isu Definisi Buku Kanak-Kanak dan Buku Bergambar

Merujuk kepada Warta GST pembekalan Kadar Sifar, Klausula 4903.00 Sub 000 Children's Picture, Colouring or Drawing Books.

Pihak Kastam memaklumkan yang buku mesti mempunyai konten gambar atau ilustrasi melebihi 50% untuk mendapat status GST Kadar Sifar.

5.1 Apakah definisi buku kanak-kanak yang akan digunapakai dalam kategori ini?

5.2 Bagaimana status buku yang dibaca oleh dewasa dan kanak-kanak, contohnya buku komik? Bolehkan komik dibekalkan dengan GST Kadar Sifar?

5.3 Bolehkan definisi 50% ini digunapakai secara rasmi?

5.4 Bolehkan buku kanak-kanak yang dicetak pada bahan selain kertas (kain, plastik atau bahan-bahan lain yang disifatkan sebagai Novelities) dibekalkan pada GST Kadar sifar?

6.0 Buku Latihan Vs Buku Nota

Menurut pihak Kastam, buku latihan diberikan GST Kadar Sifar. Manakala buku nota adalah GST Kadar Standard.

6.1 Apakah definisi bagi buku latihan? Secara umumnya, buku latihan adalah buku nota yang dicetak dengan nama sekolah pada kulit.

7.0 Massive Open Online Course (MOOC)

Pihak Kastam memaklumkan yang semua konten secara online adalah GST Kadar Standard.

8.0 Jurnal

Pihak Kastam memaklumkan yang jurnal adalah GST Kadar Standard.

9.0 Isu Trade Book

9.1 Ada novel sastera dan popular yang digunakan sebagai buku teks di peringkat sekolah dan tertiar. Buku-buku ini mempunyai dwiguna (*dual usage*). Apakah dokumen yang diperlukan untuk membekalkan buku dwiguna dengan GST Kadar Sifar?

9.2 Adakah semua edisi buku (termasuk edisi Hard Cover, Soft Cover, Abridge) yang terpilih sebagai buku teks boleh dibekalkan pada GST Kadar Sifar?

10.0 Isu Bekalan Ke Perpustakaan

Pihak Kastam memaklumkan yang buku rujukan yang dibekalkan ke perpustakaan mendapat GST Kadar Sifar.

10.1 Ada pelbagai perpustakaan di Malaysia. Apakah definisi perpustakaan yang diguna pakai?

10.2 Adakah semua buku yang dibeli oleh perpustakaan boleh dikategorikan sebagai buku rujukan?

LAMPIRAN 3: Isu Label Harga

Pihak Kastam memaklumkan yang label harga pada satu produk mesti inklusif dengan GST. Dari segi operasi, isu label harga inklusif GST ini adalah satu aspek yang paling intensif.

11.1 Pihak industri telah memaklumkan kepada kami yang hampir mustahil untuk menukar label harga pada produk sedia ada dalam tempoh yang singkat. Proses melabel harga ini memerlukan tenaga kerja manusia yang sangat intensif. **Proses melabel harga untuk inventori buku sedia ada di pekedai, pengedar dan juga penerbit memerlukan masa sekurang-kurangnya beberapa minggu.**

11.2 Label harga RRP (*Recommended Retail Price*) inklusif dengan GST boleh menjadi salah faham kepada pembeli akhir. Ini kerana

- a. Tidak semua pekedai berdaftar GST.
- b. Pekedai memberikan diskaun yang berbeza-beza kepada pembeli akhir, mengikut strategi bisnes masing-masing.

Oleh kerana harga akhir kepada konsumen akan berbeza-beza mengikut pekedai, maka **harga RRP inklusif GST yang dicetak pada buku sudah tidak lagi betul.**

11.3 Survey secara kasar di kalangan pembeli akhir menyatakan bahawa konsumen lebih cenderung kepada label harga yang menyatakan dengan jelas;

- a. Harga Sebelum GST
- b. Kos GST
- c. Harga Selepas GST.

11.4 Label harga dalam perkara 11.3 juga bermanfaat kepada pelancong, kerana jelas menunjukkan nilai GST yang mereka boleh tuntutan semula semasa keluar dari Malaysia.